



KELUARAN 28/06 (5/07)  
AUG/SEPT (RAMADHAN 1428)



# BULETIN KELAB

KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN  
PUSAT ASASI UIAM  
“KEBAJIKAN TERAS PERPADUAN”

Pihak Jawatankuasa Kelab Kebajikan Kakitangan ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua kakitangan PAUIM umumnya dan semua ahli KKK khasnya. Moga Ramadhan kali ini memberi seribu keberkatan dan rahmat kepada semua. Insyaallah.

## BERITA TERKINI AHLI KELAB

- TAKZIAH**....kepada Pn. Fatimah Man kerana telah kehilangan ibu tersayang yang telah meninggal dunia baru-baru ini. Pihak kelab mendoakan agar roh ibu beliau dicucuri rahmat Allah SWT.
- TAKZIAH**....juga kepada En. Fadhil Juman yang turut kehilangan ibu tersayang. Moga roh ibu beliau ditempatkan digolongan orang-orang beriman.
- TAHNIAH**.....buat Pn. Azizah Zaidan dari LTD yang telah selamat melahirkan cahayamata lelaki yang juga merupakan cahayamata ke-4 beliau.
- TAHNIAH**.....kepada Sdra. Shamsul Bahri dari ITU, isteri beliau telah selamat melahirkan cahayamata pertama.
- Dua orang ahli kelab telah berpindah tempat kerja iaitu Pn. Noorhashimah Mat Aris dari Perpustakaan PAUIAM yang telah bertukar ke Kampus Induk UIAM Gombak dan Pn. Norhayati Muhammad dari Jbtn. Keselamatan bertukar ke UIAM Kuantan. Pihak kelab mengucapkan terima kasih di atas sumbangan mereka terhadap kelab dan mendoakan agar mereka gembira bertugas di tempat baru.



## FADHLAT RAMADHAN

**Abu Sa'id Al Khudri ra. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:** "Setiap hari siang dan malam pada bulan Ramadhan, Allah Tabaraka wa Taala membebaskan begitu banyak sekali roh daripada api neraka. Dan pada setiap orang Islam pada setiap hari siang dan malam doanya pasti akan diterima."

Layari laman web kami di: [www.iiu.edu.my/kkk](http://www.iiu.edu.my/kkk)

## KANDUNGAN

PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1428	<b>2</b>
JADUAL TAZKIRAH & SOLAT JEMAAH	<b>3</b>
SENARAI PENERIMA SUMBANGAN	<b>4</b>
ANDAI KAU TAHU	<b>5</b>
FADHLAT TERAWIHKH	<b>6</b>

## SIDANG REDAKSI

PENAUNG:  
**EN. SYAMSUL AMRI  
ABDUL RAHIM**

PENASIHAT:  
**EN. MOHD AMIN HJ.  
ISMAIL**

PENGARANG:  
**SDRI ZAIREEN  
ZALINASHILA UYUB**

AJK:  
**AZRUL HAZLE ISHAK  
ROSINAWANI MUSTAFA  
RUHAIDAH MUSA  
NOR AZLINA**

## Tips drpd. Sdra. Pengerusi....

- Pastikan pintu dan tingkap dikunci semasa ke masjid menunaikan tarawikh.
- Jangan belanja berlebihan ketika membeli juadah berbuka.
- Amalkan berbuka dimulakan dengan memakan buah kurma.

# PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1428H

1. Majlis Perasmian dan Pelancaran Program IHYA RAMADHAN 1428H telah berlangsung dengan jayanya pada Jumaat, 14 September 2007 bertempat di Dewan Kuliah A PAUIAM. Perasmian telah dibuat oleh Dekan PAUIAM, Prof. Madya Dr. Md. Fadzil Md. Hassan. Terima kasih diucapkan kepada warga PAUIAM yang telah sama-sama menjayakan perasmian program ini. Berikut adalah gambar-gambar yang dirakam sepanjang majlis berlangsung.



## CERAMAH 2

HARI/TARIKH:	JUMAAT/21HB SEPTEMBER, 2007 (9 RAMADHAN 1428H)
MASA :	9.00 AM – 11.30 AM
TEMPAT :	DEWAN KULIAH “A”
PENCERAMAH:	DATO' DR. MAAMOR B. OSMAN(SETIAUSAHA AGUNG PPIM)
TAJUK :	PUASA DAN PEMAKANAN DALAM PEMBENTUKAN INSAN BERTAQWA
MC :	BR. AHMAD NASIR B. ISMAIL

S  
E  
M  
U  
A

## CERAMAH 3

HARI/TARIKH:	JUMAAT/28HB SEPTEMBER, 2007 (16 RAMADHAN 1428H)
MASA :	9.00 AM – 11.30 AM
TEMPAT :	DEWAN KULIAH “A”
PENCERAMAH:	UST. ABDULLAH B. MAHMUD (PENCERAMAH BEBAS)
TAJUK :	PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DALAM BULAN RAMADHAN: SUATU PENGIKTIBARAN
MC :	BR. RIDZUAN B. ZAKARIA

D  
I  
J  
E  
M  
P  
U  
T

## CERAMAH 4

HARI/TARIKH:	JUMAAT/05HB OKTOBER, 2007 (23 RAMADHAN 1428H)
MASA :	9.00 AM – 11.30 AM
TEMPAT :	DEWAN KULIAH “A”
PENCERAMAH:	HAJI HUSHIM B. HJ. SALLEH (PERUNDING MOTIVASI & KAUNSELING)
TAJUK :	SAMBUTAN AIDILFITRI MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM
MC :	TN. HAJI ABU BAKAR B. DAWI

H  
A  
D  
I  
R

# SOLAT ZOHOR BERJEMAAH & TAZKIRAH

MASA : 1.00 - 2.00 PETANG

TEMPAT : SEMINAR ROOM 1,

TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH
ISNIN 17/9/2007 5 RAMADHAN	'BERSAHUR DAN BERBUKA MENGIKUT SUNNAH RASULULLAH S.A.W'	USTAZ MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR
SELASA 18/9/2007 6 RAMADHAN	'MENINGKATKAN DISIPLIN DIRI MELALUI PUASA'	EN. ABDUL RAZAK ABU BAKAR
RABU 19/9/2007 7 RAMADHAN	'MUHASABAH RAMADHAN'	USTAZ AHMAD NAZRI ABDUL RAZAK
KHAMIS 20/9/2007 8 RAMADHAN	'MEMPERBANYAKKAN SEDEKAH DI BULAN RAMADHAN'	USTAZ HASANUL BASRI ABDULLAH
ISNIN 24/9/2007 12 RAMADHAN	'PERANAN MUHASABAH DALAM KEHIDUPAN MANUSIA'	EN. ISMAIL KASSIM
SELASA 25/9/2007 13 RAMADHAN	'KELEBIHAN TADARUS DAN MEMAHAMI AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN'	USTAZ MUHADIR HJ JOLL
RABU 26/9/2007 14 RAMADHAN	'PUASA DARI SUDUT KESIHATAN'	EN. MURSHID KASSIM
KHAMIS 27/9/2007 15 RAMADHAN	'PUASA UNTUK MEMUPUK KEDAULATAN DAN KETUANAN ISLAM'	USTAZ ZAHAZAN MOHAMAD
ISNIN 1/10/2007 19 RAMADHAN	'LAILATUL QADR'	USTAZ CHE ABDUL MAJID CHE OMAR
SELASA 2/10/2007 20 RAMADHAN	'FUNGSI ZAKAT FITRAH SEBAGAI PENYUCIAN HATI/JIWA'	USTAZ SHAPIZAN JOHARI
RABU 3/10/2007 21 RAMADHAN	'HARI RAYA MERUPAKAN KEMENANGAN BAGI ORANG YANG BERPUASA'	USTZH. ISFADIAH MOHD DASUKI
KHAMIS 4/10/2007 22 RAMADHAN	'LAMBAIAN SYAWAL'	USTAZ AHMAD EL- MUHAMMAD OTHMAN
SELASA 9/10/2007	<b>PROGRAM BUBUR LAMBUK</b>	

**KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN  
PUSAT ASASI UIAM**

**SENARAI PENERIMA SUMBANGAN**

**Sumbangan Cahayamata – RM 50.00**

NO.	NAMA	JABATAN
1.	<b>Shamsul Bahri b Mohamad Nasim</b>	ITD
2.	<b>Azizah Zaidan</b>	LTD

**Sumbangan Bertukar Tempat Kerja – RM 50.00**

NO.	NAMA	JABATAN BARU
1.	<b>Noorhashimah Mat Aris</b>	Perpustakaan Gombak
2.	<b>Noorhayati bt Muhammad</b>	UIAM, Kuantan

**Sumbangan Hospital - RM 50.00**

NO.	NAMA	JABATAN
1.	<b>Azrul Hazle b Ishak</b>	UKC 1
2.	<b>Noorhayati bt Muhammad</b>	UIAM, Kuantan

**Sumbangan Kematian - RM 100.00**

NO.	NAMA	JABATAN
1.	<b>Fatimah Man</b>	Jab. Aktiviti Pelajar
2.	<b>Fadzil Jumman</b>	Jab.Kemasukan & Rekod

ANDAI KAU TAHU.....  
andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tentu siangnya engkau sibuk berzikir  
tentu engkau tak akan jemu melagukan syair rindu  
mendayu ..merayu...kepada-NYA Tuhan yang satu

andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tentu solatmu kau kerjakan di awal waktu  
solat yang dikerjakan... sungguh khusyuk lagi tawadhu'  
tubuh dan qalbu...bersatu memperhamba diri  
menghadap Rabbul Jalil... menangisi kecurangan janji  
"innasolati wanusuki wamahyaya wamamatni lillahirabbil 'alamin"  
[sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku, dan matiku ...  
kuserahkan hanya kepada Allah Tuhan seru sekalian alam]

andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tidak akan kau sia siakan walau sesaat yang berlalu  
setiap masa tak akan dibiarkan begitu saja  
di setiap kesempatan juga masa yang terluang  
alunan Al-Quran bakal dendang...bakal kau syairkan

andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tentu malammu engkau sibukkan dengan  
bertarawih...berqiamullail...bertahajjud...  
mengadu...merintih ...meminta belas kasih  
"sesungguhnya aku tidak layak untuk ke syurga -MU  
tapi...aku juga tidak sanggup untuk ke neraka-MU"

andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tentu dirimu tak akan melupakan mereka yang tersayang  
mari kita meriahkan Ramadhan  
kita buru...kita cari...suatu malam idaman  
yang lebih baik dari seribu bulan  
andai kau tahu ini Ramadhan terakhir  
tentu engkau bakal menyediakan batin dan zahir  
mempersiap diri...rohani dan jasmani  
menanti-nanti jemputan Izrail  
di kiri dan kanan ....lorong-lorong ridha Ar-Rahman  
Duhai Ilahi....

andai ini Ramadhan terakhir buat kami  
jadikanlah ia Ramadhan paling berarti...paling berseri...  
menerangi kegelapan hati kami  
menyeru ke jalan menuju ridho serta kasih sayangMu Ya Ilahi  
semoga bakal mewarnai kehidupan kami di sana nanti  
Namun teman...  
tak akan ada manusia yang bakal mengetahui  
apakah Ramadhan ini merupakan yang terakhir kali bagi dirinya  
yang mampu bagi seorang hamba itu hanyalah  
berusaha...bersedia...meminta belas-NYA  
andai benar ini Ramadhan terakhir buat kita  
MAAFKAN SEMUA KESALAHAN YANG PERNAH AKU LAKU-KAN

## Fadhilat Solat Terawih

**Malam 1** : Keluar dosa-dosa orang mukmin pada malam pertama sepertimana ia baru dilahirkan, mendapat keampunan dari Allah S.W.T

**Malam 2** : Diampunkan dosa-dosa orang mukmin yang bersembahyang terawih serta kedua ibubapnya (sekiranya mereka orang beriman).

**Malam 3** : Berseru Malaikat di bawah `Arasy supaya meneruskan sembahyang terawih terus menerus, semoga Allah mengampunkan dosa kamu.

**Malam 4** : Memperolehi pahala sebagaimana pahala orang<sup>2</sup> yang membaca kitab<sup>2</sup> Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran.

**Malam 5** : Allah kurniakan baginya pahala seumpama orang yang bersembahyang di Masjidil Haram, Masjid Madinah dan Masjid Aqsa.

**Malam 6** : Allah kurniakan pahala kepadaanya pahala Malaikat<sup>2</sup> yang tawaf di Baitul Ma'mur ( 70 ribu Malaikat sekali tawaf ), serta setiap batu<sup>2</sup> dan tanah<sup>2</sup> mendoakan supaya Allah mengampunkan dosa<sup>2</sup> orang yang mengerjakan sembahyang terawih pada malam ini.

**Malam 7** : Seolah-olah ia dapat bertemu dengan Nabi Musa A.S serta menolong Nabi Musa A.S menentang musuh ketatnya Fir'aun dan Hamman.

**Malam 8** : Allah mengurniakan pahala orang yang bersembahyang terawih sepertimana yang telah dikurniakan kepada Nabi Allah Ibrahim A.S.

**Malam 9** : Allah kurniakan pahala dan dinaikkan mutu ibadat hambanya seperti Nabi Muhammad S.A.W.

**Malam 10** : Allah S.W.T mengurniakan kepadanya kebaikan di dunia & di akhirat.

**Malam 11** : Keluar ia dari dunia (mati) bersih daripada dosa seperti ia baru dilahirkan.

**Malam 12** : Datang ia pada hari Qiamat dengan muka yang bercahaya (cahaya ibadatnya).

**Malam 13** : Datang ia pada hari Qiamat dalam aman sentosa daripada tiap<sup>2</sup> kejahatan dan keburukan.

**Malam 14** : Datang Malaikat menyaksikan ia bersembahyang terawih, serta Allah tiada menyesatkannya pada hari Qiamat.

**Malam 15** : Semua Malaikat yang menanggung `Arasy, Kursi, berselawat dan mendoakannya supaya Allah mengampunkannya.

**Malam 16** : Allah S.W.T tuliskan baginya terlepas dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga.

**Malam 17** : Allah S.W.T mengurniakan pahala orang yang berterawih pada malam ini sebanyak pahala Nabi<sup>2</sup>.

**Malam 18** : Seru Malaikat ; "Wahai hamba Allah, sesungguhnya Allah telah redha kepada kamu dan ibubapa kamu (yang masih hidup atau mati).

**Malam 19** : Allah S.W.T meninggikan darjatnya di dalam Syurga Firdaus.

**Malam 20** : Allah S.W.T mengurniakan kepadanya pahala sekalian orang yang mati syahid dan orang<sup>2</sup> solehin.

**Malam 21** : Allah S.W.T membina sebuah istana dalam Syurga daripada Nur.

**Malam 22** : Datang ia pada hari Qiamat, aman daripada tiap<sup>2</sup>dukacita dan kerisauan (tidaklah dalam keadaan huru-hara di Padang Mahsyar).

**Malam 23** : Allah S.W.T membina kepadanya sebuah bandar di dalam Syurga daripada Nur.

**Malam 24** : Allah S.W.T membuka peluang 24 doa mustajab bagi orang yang berterawih pada malam ini.( lebih elok berdoa ketika dalam sujud)

**Malam 25** : Allah S.W.T mengangkat daripada sekasan kubur.

**Malam 26** : Allah S.W.T mengurniakan pahala pada orang yang berterawih pada malam ini seumpama 40 tahun ibadat.

**Malam 27** : Allah S.W.T mengurniakan ketangkasan melintas atas titian SiratulMustaqim seperti kilat yang menyambar kepada orang yang berterawih pada malam ini.

**Malam 28** : Allah S.W.T mengurniakan kepadanya pahala 1000 darjah di Akhirat.

**Malam 29** : Allah S.W.T mengurniakan kepadanya pahala 1000 kali haji yang mabru.

**Malam 30** : Allah S.W.T memberi penghormatan kepada orang yang berterawih pada malam terakhir ini yang teristimewa sekali, lalu berfirman ;

"Wahai hambaKu: makanlah segala jenis buah-buahan yang engkau ingini di dalam Syurga, mandilah engkau dari-pada air Syurga yang bernama Salsabila, serta minumlah air daripada telaga yang dikurniakan kepada Nabi Muham ad S.A.W yang bernama 'Al-Kauthar'."